

## PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN NEGERI

### Perkara Utama

#### Apa yang diaudit?

- Pengauditan pematuhan jabatan negeri ini memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit /kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *risk profiling* yang dilaksanakan terhadap setiap jabatan negeri.
- Pengauditan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kerugian wang awam.
- Pengauditan dilaksanakan terhadap dua bidang utama audit seperti berikut:
  - bayaran penuh dibuat bagi kerja yang tidak sempurna di Pejabat Daerah Kalabakan (PDK); dan
  - kutipan tunggakan hasil Rumah Rehat Kerajaan di Pejabat Daerah Lahad Datu (PDLD).

#### Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Menentukan pematuhan terhadap perolehan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.
- Menentukan pematuhan terhadap kutipan hasil rumah rehat di pejabat daerah adalah teratur selaras dengan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

#### Apa yang ditemui Audit?

- **Bayaran Penuh Dibuat bagi Kerja Yang Tidak Sempurna di Pejabat Daerah Kalabakan**
  - Bayaran penuh dibuat bagi kerja yang tidak sempurna berjumlah RM145,077.
- **Tunggakan Hasil Rumah Rehat Kerajaan di Pejabat Daerah Lahad Datu**
  - tunggakan sewa bulanan berjumlah RM58,838.71;
  - tunggakan faedah lewat bayar berjumlah RM129,688.83; dan
  - tunggakan bil utiliti berjumlah RM5,762.70.

**Apa yang  
disyorkan  
Audit?**

- Bayaran Penuh Dibuat bagi Kerja yang Tidak Sempurna di Pejabat Daerah Kalabakan

PDK perlu mengambil tindakan seperti berikut:

- memastikan tatacara/peraturan kewangan yang berkuat kuasa sentiasa dipatuhi dalam aspek perolehan; dan
- meningkatkan keberkesanan mekanisma pemantauan dan pengesahan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor.

- Tunggakan Hasil Rumah Rehat Kerajaan di Pejabat Daerah Lahad Datu

PDLD perlu mengambil tindakan seperti berikut:

- memastikan tindakan tegas diambil dengan segera terhadap sebarang ketidakpatuhan klausa perjanjian.

# PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN NEGERI

## PENGENALAN

1. Mulai tahun 2019, pengauditan pematuhan terhadap kementerian/jabatan/agensi Persekutuan dan Negeri diperkenalkan sebagai pendekatan baharu yang merangkumi penyata kewangan dan pengurusan kewangan selaras dengan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 4000 dan 4100. Pengauditan ini memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *risk profiling* yang dilaksanakan terhadap setiap kementerian/jabatan/agensi negeri. Pengauditan pematuhan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kerugian wang awam.
2. Pada tahun 2021, sebanyak dua pengauditan pematuhan telah dilaksanakan terhadap dua jabatan negeri seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**SENARAI PENGAUDITAN PEMATUHAN BAGI TAHUN 2021**

BIL	TAJUK	JABATAN NEGERI
1.	Bayaran Penuh Dibuat bagi Kerja yang Tidak Sempurna	Pejabat Daerah Kalabakan
2.	Kutipan Tuggakan Hasil Rumah Rehat Kerajaan	Pejabat Daerah Lahad Datu

3. Pemilihan tajuk pengauditan pematuhan perolehan dan tunggakan hasil disebabkan terdapat risiko berlakunya pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kerugian wang awam. Pengauditan terhadap kesemua tajuk tersebut bertepatan pada masanya memandangkan kelemahan yang dibangkitkan mempunyai implikasi kutipan hasil dan pembayaran yang perlu diambil tindakan oleh Kerajaan negeri.